

BH605
R GB 02-09 00187
aab

Mahathir - Islam
(EMBARGO : Untuk Siaran selepas 10 malam, 2 Sept)

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Islam mempunyai cukup falsafah dan pengajaran untuk memberi kemajuan kepada umatnya tetapi yang menyekat kemajuan mereka itu ialah tafsiran yang hanya menekankan kepada aspek akhirat.

+Yang menjadi masalah kepada kita ialah sementara kita beragama Islam, kita sebenarnya tidak mengamalkan ajaran Islam selain ibadat-ibadat tertentu untuk akhirat, seolah-olah kemajuan dan apa yang dibuat di dunia tidak ada kaitan dengan akhirat,+ kata Perdana Menteri ketika diwawancara dalam rancangan +Bersama Perdana Menteri+ yang disiarkan menerusi TV1 RTM malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kemajuan yang dulu dicapai oleh orang Islam, kini tidak upaya dicapai kerana ada tafsiran-tafsiran yang dibuat yang menekankan hanya satu aspek dan tidak memberi penekanan kepada aspek yang lain.

+Tidak ada imbalan antara dunia dengan akhirat...ini yang menjadi masalah kepada kita,+ katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak boleh menerima andaian bahawa +maju adalah tidak Islam dan tidak maju adalah Islam+ kerana kemajuan juga adalah hak orang Islam.-- Lagi

♥02/09/22-43MST

BH606

R GB 02-09 00147

aab

Mahathir - Islam 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata menyamakan Islam dengan kemiskinan adalah penghinaan terhadap Islam yang tidak pernah menyuruh umatnya kekal dalam keadaan tidak maju.

Beliau berkata juga adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa jika seseorang itu miskin ia akan masuk syurga, sebaliknya mengingatkan bahawa kemiskinan mendekati kepada kekufuran.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Islam atau tidaknya seseorang itu bergantung kepada pegangan mereka terhadap agama dan tafsiran agama yang tidak dibuat dengan kepentingan tertentu.

Katanya, bagi orang yang hendak mengongkong umat Islam, mereka lebih suka umat Islam bodoh supaya dapat mereka kongkong namun itu bukanlah kehendak Islam tetapi kehendak orang itu.

+Di dalam Islam, kita disuruh bersatu dan disuruh mencari kemajuan,+ katanya sambil menambah bahawa kalau sudah maju, dunia akan memandang Islam sebagai satu agama yang membawa kemajuan dunia dan akhirat.

Katanya di zaman dahulu orang Islam lebih maju daripada bukan Islam sehingga mereka lupa daratan dan merosot seperti yang ada sekarang,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata tidak tepat jika dikatakan bahawa kemajuan Barat disebabkan oleh falsafah Yahudi-Kristian dan kemajuan di timur disebabkan oleh falsafah Confucian.

Buktinya ialah bangsa Arab Jahiliyah yang amat mundur, telah maju dan berkembang setelah memeluk Islam sehingga menakluki lebih setengah daripada dunia dan membawa kemajuan termasuk dalam bidang sains, perubatan dan pentadbiran.

Bahkan baru-baru ini, katanya, beliau diberitahu oleh seorang bukan Islam bahawa undang-undang antarabangsa adalah berasaskan kepada undang-undang Islam.

Beliau juga berkata yang menjadi masalah kepada umat Islam kini ialah pengajaran sekarang lebih menekankan rupa bentuk Islam, bukan amalan Islam.

-- Bernama